

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK  
ABDUL AZIZ [ BACHOK ]**

**SOALAN NO. 321**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan statistik warganegara yang terlibat dalam sektor agromakanan di negara ini serta kejayaan inovasi sektor tersebut sejak 2018.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada Laporan Survei Tenaga Buruh Tahun 2018, guna tenaga warganegara yang terlibat dalam sektor pertanian adalah seramai 1,077,900 orang.

Kementerian juga menggalakkan inovasi pertanian melalui penggunaan kaedah - kaedah pertanian moden seperti fertigasi, *nutrient film technique* (NFT), *vertical farming*, cantuman dewasa dan sebagainya bagi meningkatkan hasil pengeluaran di samping memperkasakan penggunaan mekanisasi dan automasi.

Sekian, terima kasih.